



**KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA**

**MAJLIS SAMBUTAN BULAN SUKAN NEGARA
PERINGKAT KEMENTERIAN KERJA RAYA TAHUN 2019TEKS**

UCAPAN

**YB TUAN HAJI MOHD ANUAR BIN MOHD. TAHIR
TIMBALAN MENTERI KERJA RAYA**

**PADA 17 OKTOBER 2019 (KHAMIS)
BERTEMPAT DI
BILIK TANJUNG, KEMENTERIAN KERJA RAYA**

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

dan Selamat Petang

YBhg. Dato' Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan
Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

YBhg. Datuk Ir. Ahmad 'Asri bin Abdul Hamid
Ketua Eksekutif
Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)

YBrs. Tuan Ir. Kamaluddin bin Abdul Rashid
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya (Sektor Pakar)
Jabatan Kerja Raya

YBhg. Dato' Ir. Mohd Shuhaimi bin Hassan
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan)
Lembaga Lebuhraya Malaysia

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian dan Agensi,

YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

1. Alhamdulillah, rasa syukur setinggi-tingginya ke hadrat Allah SWT yang telah dengan Izin Rahmat dan Kurnianya memungkinkan kita bertemu kembali sempena Majlis Sambutan Bulan Sukan Negara Peringkat Kementerian Kerja Raya bagi tahun 2019.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Latar Belakang Bulan Sukan Negara

2. Bulan Sukan Negara tahun ini telah dilancarkan pada 1 Oktober 2019 yang lalu dengan mensasarkan lima juta penyertaan dari seluruh negara, merangkumi pelbagai acara sukan di peringkat daerah dan negeri. Pelancarannya telah disempurnakan oleh Menteri Belia dan Sukan, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman di Putrajaya.
3. Dengan mengetengahkan elemen **3M** iaitu **Murah, Mudah dan Menarik**, acara tahunan ini akan diisi dengan pelbagai aktiviti sukan, rekreasi dan kecergasan berbentuk pertandingan, persembahan dan riadah. Pada tahun ini, fokus diberi kepada memastikan konsistensi penglibatan rakyat dalam aktiviti sukan, selaras dengan hasrat menjadikan Malaysia sebuah negara sukan menjelang 2020.
4. Sambutan Bulan Sukan Negara Peringkat Kebangsaan telah diadakan pada 12 Oktober 2019 yang lalu, di Bandar Sukan Kuala Lumpur, Bukit Jalil dan telah dihadiri lebih 20,000 orang peserta.
5. Bulan Sukan Negara yang telah dijenamakan semula pada tahun ini, merupakan edisi yang ke-5 dengan menampilkan kelainan, kerana dijayakan sepanjang bulan Oktober. Tahun-tahun yang lalu ianya disambut hanya sehari iaitu pada hari Sabtu minggu kedua bulan Oktober.

Objektif Bulan Sukan Negara

6. Lima objektif Bulan Sukan Negara telah digariskan oleh Kementerian

Belia dan Sukan, iaitu untuk:

- i. Membudayakan sukan dalam kalangan masyarakat;
 - ii. Memupuk semangat sukan;
 - iii. Membangunkan ekonomi negara;
 - iv. Meningkatkan pengetahuan sukan; dan
 - v. Pengiktirafan kepada rakyat.
7. Bulan Sukan Negara juga menyasarkan penglibatan keluarga, kanak-kanak, wanita, belia, warga emas dan juga orang kurang upaya. Selain menyasarkan penduduk luar bandar, institusi pengajian dan juga di tempat kerja seperti yang dilakukan oleh Kementerian Kerja Raya pada hari ini. Saya juga dimaklumkan bahawa pada sebelah pagi tadi telah diadakan 4 pertandingan yang melibatkan penyertaan warga Kementerian dan Agensi bagi pertandingan seperti Dart, Karom, Congkak dan Dam Aji.
8. Bulan Sukan Negara ini amat penting dan relevan dalam usaha Kerajaan menggalakkan rakyat mengamalkan budaya hidup sihat dan cergas selain meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan bersukan bagi mewujudkan masyarakat aktif.

YBhg. Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Islam dan kepentingan kesihatan

9. Islam amat mementingkan penjagaan kesihatan jasmani kerana ia merupakan elemen penting dalam melahirkan masyarakat yang sihat dan sejahtera seterusnya dapat menyumbang bakti kepada agama, bangsa dan negara. Ini selaras dengan prinsip pensyariaan Maqasid

Syariah yang memudahkan kita mengerjakan suruhan Allah, menunaikan tanggungjawab selaku penjawat awam dan dapat menjalani kehidupan dengan selesa.

Sabda Rasulullah SAW :

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ ﷺ: الْمُؤْمِنُ الْقَوِيُّ خَيْرٌ وَأَحَبُّ إِلَى اللَّهِ مِنَ الْمُؤْمِنِ الضَّعِيفِ وَفِي كُلِّ خَيْرٍ أَحْرَصٌ عَلَى مَا يَنْفَعُكَ وَاسْتَعِنَ بِاللَّهِ وَلَا تَعْجِزْ وَإِنْ أَصَابَكَ شَيْءٌ فَلَا تَقُلْ لَوْ أَنِّي فَعَلْتُ كَذَا وَكَذَا وَلَكِنْ قُلْ قَدَرُ اللَّهِ وَمَا شَاءَ فَعَلَ فَإِنَّ لَوْ تَفْتَحُ عَمَلَ الشَّيْطَانِ

Mafhumnya: *Daripada Abi Hurairah RA bahawa Rasulullah SAW bersabda: “Orang mukmin yang kuat lebih baik dan lebih disukai oleh Allah daripada orang mukmin yang lemah: pada keduanya adalah baik. Bersungguh-sungguhlah mengerjakan ketaatan kepada Allah dan mohonlah pertolongan kepada-Nya dan janganlah engkau merasa lemah. Jika engkau ditimpa sesuatu musibah janganlah engkau ucapkan kalau aku berbuat demikian tidak berlakulah musibah itu, tetapi ucapkanlah Allah telah mentakdirkannya dan apa yang Allah kehendaki pasti berlaku. Sesungguhnya perkataan kalau boleh membuka ruang kepada amalan syaitan”. (Hadith Riwayat Muslim)*

10. Di samping menjaga jasmani, ia juga dapat meningkatkan faktor kesihatan rohani. Imam al Ghazali menjelaskan bahawa faktor yang paling asas dalam membentuk kestabilan atau kesihatan jiwa manusia. Ini boleh dicapai apabila seseorang individu itu telah tiba ke tahap kesempurnaan iman dan dapat mengawal kerakusan nafsunya. Hakikatnya, mukmin yang kuat akan mempamerkan kekuatan agamanya berbanding dengan mukmin yang lemah.

Hikmah di sebalik aktiviti ini mampu menyuntik kesedaran kita betapa besar, fleksibel dan lengkap dan syumulnya agama ini. Oleh yang demikian, sangat bertepatan mengapa Islam menekankan kepentingan latihan rohani yang seiringan dengan latihan jasmani iaitu supaya mencapai matlamat yang dihajati.

11. Yang jelas, kaedah penjagaan kesihatan yang terbaik adalah dengan menyediakan perisai pencegahan seawalnya kerana mencegah itu adalah lebih baik daripada mengubatnya. Secara umum, al-Quran menjelaskan mengenai pentingnya bersederhana dalam semua hal sebagai panduan untuk kebaikan jasmani dan rohani. Firman Allah SWT dalam Surah Taha ayat 81:

﴿كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ وَلَا تَطْغَوْا فِيهِ فَيَحِلَّ عَلَيْكُمْ غَضَبِي وَمَنْ يَحِلَّ عَلَيْهِ غَضَبِي

﴿فَقَدْ هَوَىٰ﴾

Maksudnya: “Serta Kami katakan: Makanlah dari benda-benda yang baik yang Kami kurniakan kepada kamu, dan janganlah kamu melampaui batas padanya, kerana dengan yang demikian kamu akan ditimpa kemurkaan-Ku; dan sesiapa yang ditimpa kemurkaan-Ku, maka sesungguhnya binasalah ia.”

12. Sesungguhnya, menjaga kesihatan menerusi aktiviti riadah boleh menjamin kecergasan jasmani dan kecerdasan minda kita dalam usaha untuk membangunkan modal insan yang lebih cemerlang dan membentuk sebuah masyarakat yang bertenaga dalam pembinaan negara. Perkara ini penting kerana pembangunan aspek spiritual, jasmani, intelektual dan emosi manusia adalah proses transformasi yang dapat melahirkan manusia bertakwa, seimbang, berilmu, berakhlak, sihat, intelek, berdisiplin serta teguh pendirian.

Aspek pembangunan diri yang sempurna ini seterusnya akan melahirkan personaliti muslim yang mempunyai kekuatan, kemampuan dan fikiran yang cergas untuk melaksanakan apa sahaja tugas yang di amanahkan kepadanya oleh Allah SWT serta tanggungjawab lain yang di amanahkan oleh manusia kepadanya untuk memakmurkan alam ini.

13. Hari ini, penjagaan kesihatan dengan beriadah bukan sekadar mengisi masa senggang semata-mata, bahkan mempunyai peranan yang lebih luas. Beriadah dapat meningkatkan semangat muhibah, kesukanan, perpaduan dan keharmonian antara individu pelbagai agama dan negara. Maka, Bulan Sukan Negara merupakan platform terbaik untuk memupuk dan menyemarakkan lagi semangat perpaduan di kalangan rakyat pelbagai bangsa.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

14. Akhir kata, sambutan Bulan Sukan Negara ini diharap menjadi satu platform untuk meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia terutamanya warga Kementerian Kerja Raya dan Agensi mengenai kepentingan melibatkan diri dalam aktiviti sukan mahupun program yang berkaitan sukan seterusnya menjadikan Malaysia sebuah Negara Bersukan (*Sporting Nation*).
15. Saya berharap agar warga Kementerian dan Agensi menyahut seruan Kerajaan ini dengan menjadikan aktiviti sukan dan gaya hidup sihat sebagai amalan yang berterusan.

16. Dengan lafaz بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ saya melancarkan Sambutan Bulan Sukan Negara Peringkat Kementerian Kerja Raya bagi Tahun 2019.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقَ وَالْهُدَايَةَ
وَسَلَامٌ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Terima kasih.